

## **PIAGAM PELANGGAN SEKSYEN HARTA TANAH PERSEKUTUAN**

*Kami, warga SHTP dengan ini berikrar dan beriltizam untuk :-*

Melaksanakan tanggungjawab pengurusan Tanah Persekutuan mengikut lunas undang-undang dan garis panduan yang telah ditetapkan;

### **Unit Permohonan**

Memproses permohonan pemberimilikan tanah yang lengkap dan teratur daripada KJP dikemukakan kepada Pentadbir Tanah yang berkenaan dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh diterima;

### **Unit Cukai**

Memastikan bayaran cukai-cukai tanah milik Persekutuan dijelaskan sebelum 31 Mei bagi semua negeri kecuali Kelantan (30 Jun) dan bagi Sarawak mengikut tempoh matang yang ditetapkan;

### **Unit Rekod**

Mengemaskini data maklumat tanah dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh maklumat diterima;

### **Unit Pajakan**

Mengemukakan suratakuan terima kepada pemohon pajakan dalam tempoh 2 hari bekerja selepas surat permohonan diterima oleh pegawai yang bertanggungjawab;

Menguruskan permohonan pajakan dengan menyediakan Memorandum Jemaah Menteri dalam tempoh 3 minggu selepas menerima ulasan dari Kementerian Jabatan Pengguna (KJP) dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH);

Memastikan perjanjian pajakan dan dokumen berkaitan yang lengkap disemak ditandatangani dalam tempoh 5 hari bekerja;

### **Unit Pembelian**

Memastikan perjanjian pembelian harta tanah ditandatangani dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh dokumen perjanjian yang lengkap diterima;

### **Unit Pajakan Kecil**

Memastikan perjanjian pajakan kecil yang lengkap untuk Sabah dan Sarawak ditandatangani dalam tempoh 5 hari bekerja selepas diterima; **dan**

### **Unit Gadaian**

Menandatangani dokumen gadaian dan pelepasan gadaian yang lengkap dalam tempoh 5 hari bekerja selepas diterima.